**Sumber lain:** *"Ada beberapa tempat ditimbulkan, bahkan mendapat tawaran dari negeri-negeri untuk menyediakan tapak tetap UKM. Misalnya Melaka bersedia menawarkan tapak di Trendak Camp, Shah Alam sebagai ibu negeri Selangor yang baru dibuka juga pernah menjadi lokasi tawaran, iaitu di tapak UITM kini, sebelum ITM didirikan, negeri-negeri di Pantai Timur juga bersedia memperuntukkan tapak bagi UKM. Namun yang penting apakah tapak-tapak berkenaan berdaya maju dan mampu meletakkan UKM pada peta kemajuan dan keunggulan yang diharapkan. Perkara yang penting ditekankan, bahawa UKM seharusnya berada dilokasi strategik yang memudahkan perhubungan, mempunyai berbagai kemudahan dan sudah tentulah mempunyai tanah yang luas bagi perkembangan pada masa hadapan. Adalah dilihat UKM mesti berada di kawasan Kuala Lumpur bagi memenuhi segala keperluan. Selepas timbul berbagai polimik dan cadangan yang pro dan kontra, akhirnya dua tahun selepas UKM ditubuhkan Datuk Abdul Razak Hussein Perdana Menteri Malaysia yang juga Canselor Pertama UKM mengumumkan (1972) bahawa tempat pilihan bagi tapak UKM ialah di negeri Selangor dengan lokasi tepatnya, ialah di Bangi, berhampiran dengan Kajang, di Hulu Langat, iaitu jauh lebih kurang 18 batu dari Kuala Lumpur. Tanah seluas 2,709.2 ekar disediakan sebagai tapak UKM (Muhammad Ali Kamaruddin, Universiti Kebangsaan Malaysia - Sejarah Penubuhan, Bangi, Penerbitan UKM, 2006: 194)." (Dr Shafie Abu Bakar, January 6, 2018:*


"BANGI DALAM PETA AZALI").

Di dalam teks ucapan Tun Abdul Razak di suatu majlis jamuan Fellows of the Royal College of Surgeons Edinburgh di Lake Club, Kuala Lumpur pada 12 Februari 1972, beliau menyebut tentang harapan beliau untuk mendirikan sebuah Fakulti Perubatan UKM, setelah kampusnya berpindah ke Bangi kelak: *"I mentioned earlier on of my commitment with the Universiti Kebangsaan. It is my hope that by the time the students move out to the campus in Bangi, we shall have by then a vigorous and forward looking Medical Faculty. In this respect, I think the Vice-Chancellor, Datuk Dr Arifin, will have to depend on some of your present to render him assistance in the planning of the Faculty and later in providing the manpower to help train our future Surgeons. I personally regard this as a great challenge and I am confident some of you here will gallantly respond to this national cause."* (JABATAN ARKIB NEGARA MALAYSIA, 21/07/1986:

"UCAPAN-UCAPAN TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN 1972" (PDF).

Lawatan para pemimpin negara ke tapak UKM: *"Oleh kerana Bangi adalah di bawah negeri Selangor, maka rundingan perlu dilakukan dengan kerajaan Negeri Selangor yang sultan Selangor pada masa itu ialah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Menteri Besarnya ialah Dato` Harun Idris. Lantaran itu Tun Razak selaku Canselor UKM yang juga Perdana Menteri Malaysia turun melawat ke kawasan yang dicadangkan bagi Kampus UKM Bangi, diiringi oleh Y.A.B. Dato` Harun Idris Menteri Besar Selangor dan Dato`Dr. Anuar Mahmud selaku Naib Canselor UKM. Berikutnya D.Y.M.M. Sultan Selangor Tuanku Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah turun melawat Kampus UKM di Bangi dengan diiringi Dato` Dr. Anwar Mahmud Naib Canselor UKM, Profesor Dr. Ghazali Abdul Rahman Timbalan Naib Canselor UKM dan pegawai-pegawai."* (Dr Shafie Abu Bakar, May 30, 2014:

"Bangi Jadi Pilihan").





Kiri: Lawatan Tun Razak (Dr Shafie Abu Bakar, May 10, 2015:

"[Tapak Masjid Al-Umm Setua Bandar Baru Bangi](#)"). Kanan: Lawatan D.Y.M.M. Sultan Selangor (Dr Shafie Abu Bakar, May 30, 2014:

"[Bangi Jadi Pilihan](#)").



Gambar ini mungkin diambil ketika lawatan Tun Razak yang sama di atas (Universiti Kebangsaan Malaysia @ Parlimen Malaysia, 2020:

"[Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2018](#)").

**Nama asal tapak UKM:** "Menurut seorang ahli sejarah bernama Shahabudin Ahmad, nama asal tapak dimana kampus UKM Bangi dibangunkan ialah 'Bukit Puteri'. Pada asalnya kawasan ini didiami oleh

masyarakat orang asal dari keturunan Temuan, namun demi pembangunan UKM, masyarakat ini telah berpindah secara dibawah satu akta pemindahan mandatori yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1974. Namun UKM tetap menghargai suku kaum tersebut dengan cara menamakan salah satu jalan didalam kampus UKM Bangi sebagai 'Jalan Temuan', iaitu jalan dimana terletaknya Pusat Pengajian Bahasa dan Lingusitik, Fakulti Pendidikan dan Jabatan Pengurusan Pembangunan.

- Sumber: Nadi Bangi, Jilid 2 (bil. 2), Julai 1978. ms. 8” (Harith Faruqi Sidek @ Kitab Tawarikh 2.0, February 06, 2013:

|  
"Nama asal tapak Kampus UKM Bangi").

## 1973: Pembangunan Kampus UKM

*"Konsep pembangunan Kampus Bangi pada awal pembangunannya (1973) adalah dpengaruhi falsafah yang dikatakan `Liberal` - mungkin istilah ini tidak tepat, maksudnya `Pendidikan Integrated` yang diperkenalkan sejak awal pembukaan UKM di Jalan Pantai Baru. Maksud `Pendidikan Integrated` bahawa pelajar di dalam satu fakulti dikehendaki mengambil pelajaran dari luar bidangnya. Sebagai contoh pelajar sastera dan pengajian Islam dikehendaki mengambil mata pelajaran sains dan metamatik menurut kursus dan unit yang ditentukan, begitu pula pelajar sains dikehendaki mengambil mata pelajaran sastera dan pengajian Islam. Di dalam konteks ini bangunan yang didirikan hendaklah berdekatan yang memungkinkan pelajar bergerak ke kuliah-kuliah dengan segera. Lantaran itu kita lihat kampus UKM yang begitu luas (2.300 ekar), tetapi pembinaan bangunannya dalam kawasan yang sempit mengelilingi aliran anak sungai di tengahnya. Keliling inilah terdapat bangunan pentadbiran, Fakulti Islam, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Fakulti Sastera, Fakulti Sains, Hal Ehwal Pelajar, Perpustakaan, Fakulti Ekonomi dan Perdagangan." (Dr Shafie Abu Bakar, October 28, 2014:*

|  
"Pembangunan Fizikal: Perlunya Hospital Dan Wisma Citra UKM Di Kampus Bangi").

*"The Universiti Kebangsaan Malaysia campus was coordinated by Abdullah Bakri. This was the first university building in Malaysia which started to exercise some aesthetic coordination between the various buildings." (Esmawee Haji Endut, 1993:*

|  
"Traditional Malaysian built forms : a study of the origins, main building types, development of building forms, design principles and the application of traditional concepts in modern buildings": Volume II, m.s.324).



CANSOLOR UKM, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar (bertopi) mendengar penerangan projek tetap kampus UKM di Bangi daripada salah seorang pasukan perancang kampus UKM pada 22 Ogos 1976 .

Kiri: Tapak pembangunan Kampus UKM Bangi 21 Ogos 1976 (Universiti Kebangsaan Malaysia - UKM @ Facebook, 20 Mei 2016:

"[Tapak pembangunan Kampus UKM Bangi 21 Ogos 1976](#)").

Kanan: Lawatan Canselor UKM pada 22 Ogos 1976 (Sahidan Jaafar @ Utusan Malaysia, 20 Mac 2019:

"[Penubuhan UKM kemuncak aspirasi rakyat](#)" @ Koleksi Arkib & Khas, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM, 17 Mac 2021).



Pemandangan sebahagian daripada tapak di atas, dari jarak dekat. (Kiri: Harith Faruqi Sidek @ Kitab Tawarikh 2.0, February 06, 2013:


|  
"Nama asal tapak Kampus UKM Bangi". Kanan: Rebecca Rajaendram @ The Star, 25 May 2014:

|  
"The rise and rise of UKM").



Pemandangan kawasan yang sama, ketika di dalam peringkat pembinaan yang selanjutnya. Kelihatan beberapa buah bangunan kampus telah hampir siap didirikan. (Universiti Kebangsaan Malaysia @ Parlimen Malaysia, 2020:

|  
"[Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2018](#)").



Kampus Induk UKM - 1990 (Dr Shafie Abu Bakar, May 21, 2014:

"Puisi Penulis `Universiti Kebangsaan Malaysia` Diterbitkan Dalam Buku `Gagasan Perjuangan Penubuhan UKM`").

## 1974-02-10: Kontroversi Pembalakan di Tapak UKM

Pada 10 Februari 1974, hampir 5,000 pelajar dari pusat-pusat pengajian tinggi di sekitar Kuala Lumpur telah hadir ke sebuah perjumpaan di [Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya](#). Perancangan asalnya adalah sesi dialog dengan Menteri Besar Selangor ketika itu, [Dato' Harun Idris](#), berkaitan dakwaan kegiatan pembalakan tanpa permit oleh Syarikat Dengkil Sdn Bhd di [Hutan Simpan Bangi](#), iaitu tapak pembinaan UKM. Namun pihak Menteri Besar menolak dan mencadangkan ia ditunda ke tarikh 12 Mac di Kajang. Perjumpaan tersebut diteruskan sebagai suatu sesi pembentangan beberapa orang wakil pelajar dan penduduk Bangi. Antara pembentangnya ialah [Halim Arshat](#) (Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia - PMUKM), [Hishamuddin Rais](#) (wakil Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya - UM), [Idris Jusi](#) (Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia), [Ibrahim Ali](#) (wakil Persatuan Siswa Institut Teknoloj(g)i Mara - ITM). Antara yang hadir dan turut menyokong ialah Encik [Sidek Fadhil](#) (wakil Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia - PKPIM), para pelajar Universiti Pertanian, dan penduduk Bangi. Turut menyatakan sokongan ialah ketua cawangan UMNO Bangi, Zainul Harun.



Sebahagian dari pemimpin-pemimpin pelajar di majlis perhimpunan para-pelajar di Dewan Tunku Cancellor Universiti Kebangsaan berhubung dengan masalah tapak Universiti Kebangsaan di Bangi semalam. Di barisan depan (dari kiri) Encik Sidek Fadhil (PKPM), Encik Idris Jusri (PKPM), Encik Hishamuddin Rais (PMUM) dan Encik Ibrahim Ali (KSTN). — Gambar Berita Harian.



Sebahagian dari hampir 5,000 pelajar dan pemerhati di perhimpunan Pelajar-pelajar mengenai soal permit pembalakan di Bangi yang berlangsung lebih empat jam di Dewan Tunku Cancellor, Universiti Malaya semalam. — Gambar Berita Harian.

**CATATAN 1:** Suatu ringkasan latar belakang peristiwa: "Sementara itu kerja-kerja tanah yang berlangsung mulai tahun 1973 itu menimbulkan kekocohan. Untuk membangun kampus dan mendirikan bangunan terpaksa dibersihkan bagi tapak-tapak bangunan. Sebenarnya selepas pengumuman Bangi sebagai Kampus UKM, ramai yang datang melihat dan meninjau. Melihat kepada kawasan dibersihkan, timbul tuduhan terhadap orang politik berkuasa di negeri Selangor sebagai mengambil kesempatan mengeluarkan balak-balak sebagai habuan. Perkara ini menjadi isu kepada Persatuan mahasiswa UKM (PMUKM) yang turut datang melawat dan mendapati banyak balak-balak dikeluarkan. Ini menyebabkan pihak PMUKM menganjurkan demonstrasi terhadap yang mengambil kesempatan. PMUKM mau keaslian kampus dipelihara dan tidak memotong pokok-pokok sembarangan, kecuali jika perlu. Isu ini berlarutan hingga terjadi tuduhan dan ketegangan dengan orang-orang politik peringkat negeri." (Dr Shafie Abu Bakar, May 31, 2014:

"Fenomena Bangi-UKM").

**CATATAN 2:** Kemungkinan liputan ini adalah antara liputan-liputan yang dirujuk sebagai "Isu Bangi"

atau "Bangi Affair", yang dijadikan contoh dakwaan kegiatan subversif terhadap pengarah Berita Harian ketika itu, [Abdul Samad Ismail](#).

## Hutan Simpan Kini

*"Setelah ia diserahkan kepada UKM, sebahagian besar daripadanya telah tidak dibangunkan dan disimpan seperti asal. Semenjak hutan ini diisytiharkan tapak tetap universiti pada tahun 1970, para pensyarah dan pelajar daripada Fakulti Sains, terutama sekali daripada Jabatan Biologi telah menjadikan hutan simpan bangi sebagai kerja lapangan dan juga tapak kajian untuk projek tahun kepujian. Pelbagai kajian dijalankan seperti mengkaji ekologi, komposisi flora, spesis yang penting daripada segi botani dan sebagainya. (Abdul Latiff Mohamad(1990). Kajian Ekologi dan Biologi Hutan Simpan Bangi)"* (Koleksi Arkib & Khas, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM @ Facebook, 18 Januari 2021:

"Hutan Simpan Bangi").





Hutan Simpan Kekal UKM (Hutan Pendidikan Alam), kini.

**Gambar kanan:** "Pokok Jelutong yang menjadi ikon HPA UKM telah mati sepenuhnya..." (Anuar Ahmad, 07 September, 2013:

"Hutan Pendidikan Alam UKM...Khazanah Berharga Yang Semakin Dilupakan..").


*"Bangi forest reserve (Hutan Simpan Bangi, adjacent to Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi campus, is a lowland secondary dipterocarp forest with a size of 100 hectares, which provides lush greenery freshness to UKM Bangi campus. Small forest reserve, ponds, swamps and hill slopes can be found in the forest reserve. The forest reserve is accessed via a 2 KM jungle trail for visitors to enjoy the beauty of flora and fauna of the forest reserve. Bukit Rupa is the highest peak of the forest reserve with an altitude of 105 m from sea level. The Fernarium located within the forest reserve is a site for collection of many fern species collected by researchers and scientist at UKM. Also situated in the forest reserve is Hutan Pendidikan Alam UKM, which is a centre for cocurriculum activities of various UKM organizations. The co-curriculum centre is equipped with halls, bathroom, camp site and other amenities for training. Bangi Forest reserve houses more than 600 plant species and more than 800 faunal species including small mammals, reptiles, amphibians, fishes, insects etc. The richness of flora and fauna, and the various ecosystems have made Bangi Forest reserve an excellent site for teaching, research and recreation in UKM."* (Melissa Wong, July 14, 2009:

"FST Open Day: Kembara Hutan Bangi").

## Sungai Anak Bangi

*"Sumber air Sungai Langat di hadapan UKM sepanjang tujuh kilometer bermula dari anak Sungai Bangi di dalam hutan simpan UKM dan melalui Alur Ilmu sebelum memasuki ke Sungai Langat. Sepanjang lima kilometer anak sungai itu berada dalam kawasan hutan simpan sementara dua kilometer lagi melalui Alur Ilmu hingga ke Sungai Langat."* (Kurniawati Kamarudin / Bernama @ Utusan Borneo, 2018-02-04:

"Usaha menghidupkan semangat Sungai Langat".



Source: Topography map, 2001

Figure 1: The Sungai Langat Basin

Lembangan Sungai Langat, 2001 (Mohd Ekhwan Toriman, Zulkifli Yusop, Mazlin Mokhtar, Hafizan Juahir, 2006:

"Application GIS for detecting changes of Sungai Langat channel").

"The study was conducted at Sungai Anak Bangi in Bangi Forest Reserve, Selangor (02° 55' 44.0" N latitude and 101° 47' 12.6"E longitude, Figure 1). The total catchment area for Bangi Forest Reserve is 34 km2, while for Sungai Air Anak Bangi is 3.7 km2."




Figure 1: Topography and location of sampling points of Sungai Anak Bangi

*“Figure 1: Topography and location of sampling points of Sungai Anak Bangi”*

*“The geology of the area is predominantly of granitic rocks. The soil texture ranges from coarse to fine sandy clay with Muchong-Seremban being the major soil series. The land cover of the study area is mostly hill dipterocarp forest. This forest has been logged in late 1960s and early 1970s. Towards downstream, the catchment has been transformed by oil palm plantations and development of Pekan Bangi Lama (Figure 2).”*




Figure 2: Existing land use surrounding the study catchment

*“Figure 2: Existing land use surrounding the study catchment”*

(Mohd Ekhwan Toriman, Md. Pauzi Abdullah, Mazlin Bin Mokhtar, Muhamad Barzani Gasim, Othman Karim @ The Malaysian Journal of Analytical Sciences, Vol 14 No 1 (2010): 12 - 23:

"SURFACE EROSION AND SEDIMENT YIELDS ASSESSMENT FROM SMALL UNGAUGED CATCHMENT OF SUNGAI ANAK BANGI SELANGOR").

### Alur Ilmu

- Alur Ilmu

### Tasik Ghazali

- Tasik Ghazali

### 1996-2002: Pembinaan Institut Kemahiran Dan Latihan Alam Sekitar (IKLAS)

*“EiMAS occupies an area of about 10 acres and it is located within the campus of the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Agreement to construct EiMAS in UKM Campus was concluded with the signing of the memorandum of understanding between the Department of Environment (DOE) and UKM on 30th July 1996. Construction of EiMAS was managed by the Public Works Department, Malaysia that was also involved with the preparation of the design, tendering and appointment of the contractor and also responsible for monitoring the project. The building was finally completed on 28th May 2001 after a period of 1 year 11 months ad 21 days from the date of acquisition of the site on 7th June 1999. The establishment of EiMAS is a historical landmark. Apart from enhancing the manpower development programme needed for controlling and preventing environmental pollution, EiMAS’s activities will also contribute towards assisting DOE in raising the level of public awareness on the importance of environmental conservation efforts. Programmes implemented by EiMAS will provide opportunities for DOE to partner other interested parties*

*especially the industrial sector in Malaysia, which amongst others are responsible for environmental pollution in the country. Its location and proximity to the institution of higher learning i.e. UKM will also provide the opportunity to establish a close bilateral relation with the university in view of the fact that EiMAS's activities will need the cooperatin and support on continuos basis from researchers and academia from institutions of higher learning both locally and abroad."* (Department of Environment, Malaysia, 2015:

"EiMAS: About Us").



*"Environment Institute of Malaysia (EiMAS) was officially opened on 2 April 2002 by Dato 'Seri Law Hieng Ding, Minister of Science, Technology and Environment, Malaysia. EiMAS establishment is an important development for the Department of Environment (DOE) as the need to enhance knowledge and skills in the public and private sector staff in dealing with environmental management. DOE has taken important steps to equip staff with the necessary knowledge and skills through courses conducted in EiMAS. As a vision of the establishment of this institute, EiMAS determined to be a Centre of Excellence for Environmental Management in Malaysia. EiMAS building was completed on 28 May 2001 with the concept of 'resort'. The design theme of this building is adapted from characteristics of Malaysian arts and culture. EiMAS building also equipped with a variety facilities such as training rooms, dormitories, cafeteria, recreation center, library and auditorium. The participants not only gain knowledge and skills through courses but also peace of mind through beautiful and refreshing environment. The EiMAS building become the permanent location for the courses conducted by the DOE except for those courses that involve field work and sample collection."* (Department of Environment, Malaysia, 2015:

"EiMAS: History of EiMAS").

**LATAR PERISTIWA: Institut Alam Sekitar Malaysia / Environment Institute of Malaysia (EiMAS) (1996-2002).**


## **Nasib Penduduk Asal**


## Warga Temuan

Hutan Simpan Bangi ini telah didiami oleh masyarakat Orang Asli Temuan, sejak akhir tahun 1950-an: "Pada akhir tahun 1950-an empat keluarga orang Temuan dari kampung orang Asli Bukit Dugang, Sepang telah membuka sebahagian kecil daripada kawasan hutan simpan Bangi yang sekarang menjadi tapak Universiti Kebangsaan Malaysia. Turut sama dalam pembukaan itu ialah Batin Yut anak Jenang Pilis yang sebelumnya menjadi ketua orang Asli di Bukit Dugang- Dialah yang mengetuai pembukaan kawasan hutan itu. ...pada awal tahun 1970-an perkampungan Orang Temuan di Bangi yang bermula dengan empat keluarga itu telah berkembang menjadi 22 keluarga dan penduduknya kecil besar ada kira-kira 100 orang. Orang Asli yang berkenaan ada rumah, ada kerja, ada kebun getah dan pokok buah-buahan dan hidup pun agak senang. Mereka ingin terus menetap di tempat itu. Akan tetapi, nasib nampaknya tidak terus menyebelahi mereka. " (Dr Mohamed Salleh Lamry, 2005:

"Mangsa Pembangunan: Orang Temuan di Sungai Buah dan Bukit Tunggul, Sepang, Selangor").


"Kawasan bersebelahan dengan tapak Masjid UKM merupakan kawasan perkampungan Orang Asal yang telah diterokai oleh mereka sekitar tahun 1958, iaitu setelah berpindah dari Batu 26 Jalan Bangi. Apabila kawasan tersebut diwartakan sebagai Hak Milik UKM dan terlibat dalam perancangan pembangunan kampus tetap UKM, perkampungan tersebut telah dipindahkan ke kawasan baharu yang terletak di Batu 20, Bukit Tunggul, Jalan Dengkil. Perpindahan tersebut melibatkan 20 buah rumah dan 18 buah kubur. Para penduduk yang terlibat turut diberikan ganti rugi oleh pihak UKM. Sumber: Habibah Ismail. Sejarah Bangi (1870an - 1970an). Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982."





(Sumber: Harith Faruqi Sidek @ FB, 11 Jun 2025: "[Kawasan bersebelahan dengan tapak Masjid UKM](#)").

Ketika pembinaan pesat UKM sepanjang tahun 1974 ini, masyarakat Temuan di sini telah dipindahkan oleh pihak kerajaan ke kawasan hutan di [Sungai Buah](#) dan [Hutan Simpan Bukit Tunggul](#), berhampiran pekan Bangi (Lama). Namun pada tahun 1993, kawasan tersebut telah diambilalih pula oleh sebuah syarikat swasta untuk pembinaan padang golf. Nama kawasan tersebut juga telah diubah kepada [Bukit Unggul Golf Country Resort \(BUGCR\)](#).



Perpindahan masyarakat Temuan, dari [Hutan Simpan Bangi \(Bangi Forest Reserve\)](#) di sebelah timur,

ke Kampung Orang Asli Sungai Buah dan Hutan Simpan Bukit Tunggul di selatan (kini Bukit Unggul Golf & Country Club). (Sumber peta: Mapcarta). Di sebelah barat adalah petempatan asal mereka di Bukit Dugang (Sumber peta: Mapcarta).

*"Pada 1974 tanah yang mereka duduki di kawasan Bangi diambil oleh kerajaan untuk pembinaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Selepas itu, mereka berpindah ke kawasan hutan Sungai Buah dan Bukit Tunggul, kira-kira 10 km dari situ. Bagaimanapun, pada awal 1993 kawasan Bukit Tunggul diambil alih pula oleh sebuah syarikat swasta untuk pembinaan padang golf. Walaupun pihak syarikat ada menyediakan rumah, tetapi pihak kerajaan tidak memberi tanah gantian. Rumah yang disediakan itu juga tidak sempurna. Akibatnya sebahagian orang Temuan di Bukit Tunggul telah berpindah ke tempat lain, dan sebahagian lagi bertahan di kawasan belukar di lereng bukit tersebut. Sementara itu, orang-orang yang masih tinggal di Sungai Buah sentiasa merasa tidak selamat, kerana tanah yang mereka duduki masih belum diberi hak milik." (Dr Mohamed Salleh Lamry, 2005:*

|  
"Mangsa Pembangunan: Orang Temuan di Sungai Buah dan Bukit Tunggul, Sepang, Selangor").

*"Menurut Juli pengerusi MPKK Kampung Sungai Buah, kampung asal mereka terletak di tapak pembinaan UKM yang ketika itu dikenali sebagai kampung Batu 20. Ketika itu kampung tersebut dihuni lebih kurang 200 orang penduduk kampung lebih ramai dari sekarang. ... Dari sini kita dapat melihat bagaimana peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam memujuk Orang Asli yang ketika itu mendiami hutan simpan kerajaan negeri Selangor untuk berpindah ke kawasan baru yang itu di Sungai Buah. Menurut encik Juli, pada ketika kejadian tersebut beliau masih lagi kecil namun masih ingat dalam ingatan apa yang terjadi. Megikut cerita Tok Batin pada ketika itu, mereka telah diberi imbuhan atas sebab kehilangan kampung dan tanah. Namun jumlah imbuhan tersebut tidak setimpal apa yang diperolehi berdasarkan cerita Tok Batin. Malah perpindahan ini juga dikatakan agak tergesa-gesa tanpa diberi apa-apa kemudahan seperti rumah. Orang Asli ketika itu terpaksa berpindah segera pada waktu malam dengan mengangkut segala keperluan dan barangan mereka seperti pinggan mangkuk, haiwan ternakan dan lain-lain. Perpindahan mereka turut dibantu oleh JHEOA yang menyediakan lori untuk berpindah namun tempat yang dipindahkan itu tiada kemudahan yang sewajarnya seperti rumah dan kemudahan asas seperti elektrik dan air. Mereka dipindahkan dikawasan hutan simpan yang diberi nama Bukit Tunggul dan setelah selesai permindahan mereka terus membina penempatan sementara kerana untuk berteduh setelah malam hari ketika perpindahan berlaku. Namun ada sebahagian Orang Asli telah tinggal ke tempat asal mereka seperti di Hulu Langat dan daerah-daerah lain membawa haluan masing-masing bagi sesiapa yang tidak mahu mengikut berpindah ke Bukit Tunggul. Masyarakat Orang Asli Sungai Buah telah menerima pelbagai dugaan sepanjang mereka berpindah keluar dari tanah asal mereka di Kampung Batu 20 (sekarang UKM). Perpindahan mereka seolah-olah pelarian di mana hak dan tempat tinggal tidak disediakan sebelum perpindahan malah pampasan atau sagu hati yang diberikan tidak mengikut nilai tanah atau undang-undang yang betul pada ketika itu kerana Tok Batin ketika itu tidak tahu hak-hak mereka. dengan baik. Walaupun kerajaan memberi mereka tempat tinggal di Bukit Tunggul, namun perlu diketahui mereka perlu berteduh ketika waktu malam pada malam perpindahan dengan apa yang ada dan membuat rumah asal siap sekurang-kurangnya untuk berteduh satu malam sebelum menjelang hari siang(Temu Bual, 2019). Malah kejadian yang sama berulang pada tahun 1990-an di mana pembinaan Kelab Gol Bukit Unggul telah menjejaskan bekalan air dan elektrik pada mereka." (Nor Adli Firdaus, Al-Amril Othman, 2020 @ Jurnal Wacana Sarjana, 4 (5). pp. 1-13. ISSN 2600-9501:*

|  
"Menyingkap selingkar kisah korban pembangunan: dari Batu 20 ke Bukit Unggul.").

*"8.120 There was also apparent injustice towards the Orang Asli who used to live and forage in a large area but were moved out – some without any regard for their conditions – to make way for the*

*rapid commercial development. The case of the Temuan from Bukit Tunggul, Dengkil (A270) who were asked to moved twice - first when the area was given to the Universiti Kebangsaan Malaysia (500 acres) and then to Bukit Unggul Resort (1378 acres). With only 20 acres of un-gazetted area for their settlement remaining, the community fear that their traditional community may soon disappear.*

....  
 8.128 In case A270 (Bukit Tunggul, Selangor), while compensation was paid, this was inadequate to ensure that the Temuans concerned could build a new life or maintain their traditional ways of life. The witness from Universiti Kebangsaan Malaysia (W14) said of the miserable relocation exercise in the 1970s: "UKM paid the compensation amounting RM810,985.25 to those who lived on the land and requested them to move." W13, a representative of Bukit Unggul Resort, said that RM2 million was set aside to mainly build houses (within the 20-acre plot) but complained that Orang Asli are still entering the forest areas now belonging to the Resort." (SUHAKAM, April 2013:

|  
 "Malaysia: Report of the National Inquiry into the Land Rights of Indigenous Peoples", m.s.162-163).

*"Tanah yang diperuntukkan kepada UKM sebanyak 2,300 ekar tidak seluruhnya hutan asal yang tidak diteroka. Terdapat kumpulan Orang Asli yang tinggal di bahagian utama Kampus UKM, manakala terdapat pula orang-orang Melayu yang tinggal di tepian jalan dari bahagian berdekatan dengan Hentian Keretapi Sungai Tangkas (kini UKM) memanjang tepi jalan hingga selekoh ke Jalan Dengkel yang dari Sungai Tangkas hingga ke sini (kiri) termasuk di bawah kawasan Kampus UKM. Melalui rundingan dan pampasan Orang Asli bersetuju berpindah ke kaki Bukit Tunggul (kini Bukit Unggul), manakala bagi orang-orang Melayu diberi pampasan dan lot tanah di Sungai Tangkas. Sebahagian daripada mereka diganti dengan tanah dan pampasan di Kg. Baharu, Pekan Bangi."*



(Petikan artikel dan gambar: Dr Shafie Abu Bakar, May 31, 2014:

|  
 "Fenomena Bangi-UKM").

*"Pada tahun 1970, wujud kampung orang asli di Sungai Buah. Hal ini demikian kerana, penempatan orang asli ini pada asalnya terletak di UKM, namun apabila ditubuhkan Fakulti Undang-Undang di*

UKM, penempatan mereka terpaksa dipindahkan ke kampung Sungai Buah." (KAMPUNG SUNGAI BUAH: 25 Oktober 2015:

|  
"SEJARAH KAMPUNG SUNGAI BUAH").

Menurut Felo Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Professor Emeritus Dato' Dr Hood Salleh: "... pembangunan dan perkembangan infrastruktur UKM pada tahun-tahun 1970an yang membawa perubahan kepada kaum Asal di sekitar Bangi pada tahun 1974 apabila kawasan kediaman mereka diambil alih untuk bangunan-bangunan baru UKM. Kerajaan juga telah menggubal satu Akta pada tahun 1974 yang mensyaratkan pemindahan mandatori orang asal di kawasan Hulu Langat untuk membangunkan UKM. Orang Asli di situ mendakwa mereka tidak diberi pertimbangan ketika diarah berpindah ke tempat lain. Walaupun diberi pampasan dan perumahan baru, mereka berasa kecil hati kerana kawasan hutan rimba kediaman asal mereka mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan harian mereka." (Saiful Bahri Kamaruddin @ Universiti Kebangsaan Malaysia, 18 OKTOBER 2012:

|  
"Kaum Asli Perlu Dibawa Berunding Sebelum Sesuatu Projek Melibatkan Kehidupan Mereka Dilaksanakan").

Sumber lain: Zawawi Ibrahim, 2016:

|  
"Anthropologizing Human Insecurities: Narrating the Subjugated Discourse of Indigenes on the Deterritorialized Landscapes of the Malaysian Nation-State", m.s.38).

**LATAR PERISTIWA: Hutan Simpan Bukit Tunggul.**

**Warga Bangi**



Ada di kalangan warga melihatnya sebagai kesinambungan kepada Sekolah Kebangsaan Bangi: "Sekolah Kebangsaan Bangi (nama lamanya Bangi Malay School) di buka pada tahun 1924 dan 50 tahun kemudiannya Universiti Kebangsaan Malaysia dibangunkan di Hutan Simpan Bangi (Bangi Forest Reserve 1906) pada tahun 1974. Inilah institusi pertama pendidikan sekolah dan universiti yang dibangunkan di Bangi sebelum pelbagai jenis sekolah, pusat - pusat latihan dan kemahiran, maktab, kolej, dan universiti dibangunkan di Bangi kemudiannya. Catatan ajaizainal" (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 26 Ogos 2025: "[Catatan Sejarah Bangi. Sekolah & Universiti Pertama Di Bangi](#)").

From:  
<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:  
[https://bangi.pulasan.my/hutan\\_simpan\\_bangi?rev=1777622956](https://bangi.pulasan.my/hutan_simpan_bangi?rev=1777622956)

Last update: **2026/05/01 16:09**

